

PP	KJ	KK	JUM
2	-	-	2

No. Kad Pengenalan: _____



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

PEMBANTU KESELAMATAN KP19 KERTAS II

(TEORI)

Tarikh : 23 September 2020 (Rabu)

Masa : 2.30 petang – 4.30 petang (2 jam)

Tempat : Kampus Induk

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan berbentuk esei dalam tiga bahagian. Anda **dikehendaki menjawab EMPAT (4) soalan** sahaja iaitu **SATU (1)** dari setiap bahagian dan **SATU (1)** soalan lagi dari mana-mana bahagian. Setiap soalan bernilai 25 markah.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN

Bahagian A: Peraturan dan Tugas

1. Setiap Pembantu Keselamatan KP19 mempunyai panduan untuk melaksanakan kerja harian secara berkesan dan memenuhi keperluan tugas hakiki, anda wajib mematuhi semua Peraturan dan Perintah Tetap Jabatan Keselamatan USM. Huraikan **LIMA BELAS (15)** perkara utama mengenai tanggungjawab anda sebagai Ketua Penyelia dalam melaksanakan tugas berserta dengan contoh.
(25 markah)

2. *Standard Operating Procedure* (SOP), Peraturan Keselamatan Kampus dan Peraturan Keselamatan Jabatan Keselamatan USM tentang laporan terhadap kehilangan harta benda Univeriti Sains Malaysia (USM).
Nyatakan proses awal terima laporan sehingga tindakan akhir berserta kes kejadian. Huraikan tindakan yang perlu diambil sekiranya anda menerima laporan berkenaan.
(25 markah)

Bahagian B: Tatatertib Staf/Pelajar

3.
 - a) Apakah proses permohonan bagi pelekat kenderaan Universiti Sains Malaysia kepada staf/pelajar?
 - b) Nyatakan kadar bayaran pelekat kenderaan dan berapakah jumlah pelekat yang diperuntukkan kepada staf/pelajar dan Persatuan/Kelab (BHEPA)?
 - c) Nyatakan tindakan yang diambil terhadap salah laku dalam proses pemalsuan pelekat kenderaan. Sila huraikan dan berikan beberapa contoh kesalahan yang dinyatakan dalam peraturan tersebut.
(25 markah)
4.
 - a) Sekiranya berlaku kes salah guna kuasa yang melibatkan staf Jabatan Keselamatan, sila huraikan proses siasatan yang wajib dilaksanakan.
 - b) Apakah tindakan tatatertib yang boleh diambil oleh pihak Universiti terhadap staf Jabatan Keselamatan yang terlibat dalam kes tersebut? Huraikan.
(25 markah)

Bahagian C: Aspek-aspek Keselamatan Pejabat

5. a) Huraikan proses 4W & 1H dalam asas penulisan laporan berserta dengan fakta kes. Gunakan kajian kes yang berlaku dalam Universiti Sains Malaysia.
- b) Apakah prosedur keselamatan yang wajib diambil terhadap pekerja-pekerja kontraktor pencucian dalam premis Universiti Sains Malaysia? Huraikan.
(25 markah)
6. a) Huraikan tindakan yang diambil semasa berlakunya kebakaran dalam premis Universiti Sains Malaysia dengan fakta kes.
- b) Apakah tindakan yang diambil apabila berlakunya pemeriksaan keselamatan di Desasiswa pelajar wanita? Apakah prosedur yang wajib dipatuhi?
(25 markah)

oooo0oooo